KANDUNGAN

CONTENTS

KANDUNGAN *(Contents)*

		MUKA SURAT *(Page)*
A.	**KEDUDUKAN EKSPORT DAN IMPORT BARANGAN PERIKANAN, MALAYSIA, 1997** ***(STATUS OF EXPORT AND IMPORT OF FISHERIES COMMODITIES, MALAYSIA, 1997)***	9 - 27
B.	**CARTA-CARTA *(CHARTS)***	
CARTA *(Chart) I*	Kuantiti Eksport Barangan Perikanan Mengikut Destinasi Utama, 1997 *(Quantity Export of Fishery Commodities by Major Countries of Destination, 1997)*	31
CARTA *(Chart) II*	Nilai Eksport Barangan Perikanan Mengikut Destinasi Utama, 1997 *(Value of Export of Fishery Commodities by Major Countries of Destination, 1997)*	32
CARTA *(Chart) III*	Kuantiti Import Barangan Perikanan Mengikut Negara Asal, 1997 *(Quantity of Import of Fishery Commodities by Major Countries of Origin, 1997)*	33
CARTA *(Chart) IV*	Nilai Import Barangan Perikanan Mengikut Negara Asal, 1997 *(Value of Import of Fishery Commodities by Major Countries of Origin, 1997)*	34
CARTA *(Chart) V*	Nilai Eksport Dan Import Barangan Perikanan, Malaysia, 1993-1997 *(Value of Export and Import of Fishery Commodities, Malaysia, 1993-1997)*	35
CARTA *(Chart) VI*	Kuantiti Eksport Dan Import Barangan Perikanan, Malaysia, 1993-1997 *(Quantity of Export and Import of Fishery Commodities, Malaysia, 1993-1997)*	36

C. **LAMPIRAN** ***(APPENDIXS)***

LAMPIRAN A *(APPENDIX)*	Eksport Dan Import Barangan Perikanan, 1997 *(Export and Import of Fishery Commodities, 1997)*	39 - 48
LAMPIRAN B *(APPENDIX)*	Eksport Dan Import Barangan Perikanan Mengikut Negara-Negara Asal Dan Destinasi, 1997 *(Export and Import of Fishery Commodities by Countries of Origin and Destination, 1997)*	49 - 117
LAMPIRAN C *(APPENDIX)*	Eksport Dan Import Barangan Perikanan Mengikut Semua Negara Asal Dan Destinasi, 1997 *(Export and Import of Fishery Commodities by All Countries of Origin and Destination, 1997)*	118 - 119
LAMPIRAN D *(APPENDIX)*	Siri Tahunan Eksport Barangan Perikanan Mengikut Jenis, Kuantiti Dan Nilai *(Annual Series of Fishery Commodities - Export by Type, Quantity and Value)*	120
LAMPIRAN E *(APPENDIX)*	Siri Tahunan Import Barangan Perikanan Mengikut Jenis, Kuantiti Dan Nilai *(Annual Series of Fishery Commodities - Import by* Type, Quantity and Value)	121

KEDUDUKAN EKSPORT DAN IMPORT BARANGAN PERIKANAN MALAYSIA, 1997

1. Kuantiti keseluruhan **eksport** barangan perikanan Malaysia (Jadual 1) dalam tahun 1997 adalah sebanyak 107,622 tan metrik iaitu penurunan sebanyak 20.2% dari 134,942 tan metrik dari tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun terdapat beberapa komoditi eksport barangan perikanan menunjukkan peningkatan antaranya, ikan yang dikering, digaram dan disalai sebanyak 14.31% dari 902 tan metrik dalam tahun 1996 kepada 1,031 tan metrik tahun 1997 manakala krustasia dan moluska segar, disejuk, dibeku, digaram atau dikeringkan meningkat sebanyak 25.13% dari 35,574 tan metrik dalam tahun 1996 kepada 44,511 tan metrik untuk tahun 1997.

   Penurunan ketara eksport barangan perikanan Malaysia disebabkan oleh pengurangan eksport barangan seperti ikan hidup (terdiri daripada ikan air tawar, belut dewasa dan ikan merin) sebanyak 21.01% iaitu dari 6,578 tan metrik dalam tahun 1996 kepada 5,196 tan metrik tahun 1997. Eksport benih ikan dan ikan hiasan pula berkurangan sebanyak 31.15% iaitu dari 235,152,030 ekor dalam tahun 1996 kepada 161,912,780 ekor tahun 1997. Jumlah eksport ikan basah, disejuk atau dibeku sebanyak 31.79% iaitu dari 46,688 tan metrik dalam tahun 1996 menurun sedikit kepada 31,850 tan metrik untuk tahun 1997; ikan, krustasia dan moluska diawet berkurangan sebanyak 48.97% dari 39,588 tan metrik dalam tahun 1996 kepada 20,204 tan metrik untuk tahun 1997.

Jadual 1: Eksport dan Import Malaysia - Nilai dan Kuantiti, 1996 dan 1997

	1996	1997	Perubahan (%)
Eksport			
Kuantiti (Tan metrik)	134,942	107,622	- 20.2
Nilai (RM juta)	826.9	939.6	+ 13.6
Import			
Kuantiti (Tan metrik)	299,918	297,776	- 0.7
Nilai (RM Juta)	887.5	979.2	+ 10.3

   Sementara kuantiti keseluruhan **import** barangan perikanan Malaysia dalam tahun 1997 adalah sebanyak 297,776 tan metrik iaitu menurun sebanyak 0.7% dari 299,918 tan metrik dalam tahun 1996 kepada 297,776 tan metrik untuk tahun 1997.

2. Jumlah keseluruhan nilai eksport barangan perikanan Malaysia dalam tahun 1997 adalah sebanyak RM939.6 juta berbanding dengan jumlah keseluruhan nilai import sebanyak RM979.2 juta pada tahun yang sama menunjukkan pengurangan sebanyak RM39.60 juta. Dari segi nilai, didapati jumlah eksport telah meningkat sebanyak RM112.7 juta iaitu dari RM826.9 juta pada tahun 1996 kepada RM939.6 juta pada tahun 1997 mencatatkan kadar kenaikan sebanyak 13.6%.

3. Jadual 2 menunjukkan pecahan eksport dan import Malaysia mengikut kawasan. Semenanjung Malaysia mencatat penurunan kuantiti eksport sebanyak 29.8% dari 112,394 tan metrik dalam tahun 1996 kepada 78,845 tan metrik untuk tahun 1997. Sarawak mencatat peningkatan kuantiti eksport sebanyak 48.7% dari 5,378 tan metrik dalam tahun 1996 kepada 7,995 tan metrik dalam tahun 1997 manakala Sabah mencatat kenaikan kuantiti eksport sebanyak 21.0% dari 17,170 tan metrik untuk tahun 1996 kepada 20,782 tan metrik dalam tahun 1997. Dari segi nilai, Semenanjung Malaysia mencatat kenaikan nilai eksport sebanyak 11.5% iaitu dari RM616.9 juta dalam tahun 1996 kepada RM687.7 juta untuk tahun 1997. Sementara Sarawak mencatat kenaikan nilai eksport sebanyak 35.5% iaitu dari RM57.4 juta dalam tahun 1996 kepada RM77.8 juta untuk tahun 1997 dan Sabah mencatat kenaikan nilai eksport sebanyak 14.1% dari RM152.6 juta dalam tahun 1996 kepada RM174.1 juta untuk tahun 1997. Dari segi import, Semenanjung Malaysia mencatat penurunan kuantiti import sebanyak 0.03% dari 290,242 tan metrik dalam tahun 1996 kepada 290,161 tan metrik untuk tahun 1997. Sarawak mencatat penurunan kuantiti import sebanyak 18.3% dari 6,273 tan metrik dalam tahun 1996 kepada 5,124 tan metrik untuk tahun 1997 manakala Sabah mencatat penurunan kuantiti importnya sebanyak 26.89% dari 3,403 tan metrik dalam tahun 1996 kepada 2,491 tan metrik untuk tahun 1997. Bagi nilai import, Semenanjung Malaysia mencatat kenaikan sebanyak 11.9% iaitu dari RM841.3 juta dalam tahun 1996 kepada RM941.3 juta untuk tahun 1997. Sarawak mencatatkan penurunan nilai import sebanyak 14.5% dari RM26.9 juta dalam tahun 1996 kepada RM23.0 juta untuk tahun 1997. Sabah juga menunjukkan nilai importnya menurun sebanyak 22.8% dari RM19.3 juta dalam tahun 1996 kepada RM14.9 juta untuk tahun 1997.

Jadual 2: Eksport dan Import Malaysia Mengikut Kawasan, Kuantiti dan Nilai, 1996 dan 1997

	Kuantiti (Tan Metrik)		Perubahan (%)	Nilai (RM Juta)		Perubahan (%)
	1996	1997		1996	1997	
Eksport						
Sem.Malaysia	112,394	78,845	- 29.8	616.9	687.7	+ 11.5
Sarawak	5,378	7,995	+ 48.7	57.4	77.8	+35.5
Sabah	17,170	20,782	+ 21.0	152.6	174.1	+14.1
Jumlah	134,942	107,622	- 20.2	826.9	939.6	+13.6
Import						
Sem.Malaysia	290,242	290,161	- 0.03	841.3	941.3	+11.9
Sarawak	6,273	5,124	- 18.3	26.9	23.0	+14.5
Sabah	3,403	2,491	- 26.8	19.3	14.9	+22.8
Jumlah	299,918	297,776	- 0.7	887.5	979.2	- 10.3

4. Dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini, nilai-nilai eksport menunjukkan aliran yang meningkat seperti ditunjukkan di Carta V. Dalam tahun 1993, nilai eksport ialah RM801 juta dan pada tahun 1997 ianya telah meningkat kepada RM940 juta. Nilai import juga menunjukkan aliran kenaikan bagi tempoh 5 tahun ini. Dalam tahun 1993, nilai import ialah RM691 juta dan meningkat kepada RM979 juta dalam tahun 1997. Dari segi kuantiti eksport (Carta VI) terdapat penurunan ditahap yang wajar dalam tempoh 5 tahun ini. Dalam tahun 1993 kuantiti eksport adalah 206,189 tan metrik dan menurun kepada 107,622 tan metrik dalam tahun 1997. Kuantiti import pula pada tempoh 5 tahun ini terdapat peningkatan dalam aliran import. Pada tahun 1993 kuantiti import adalah 261,631 tan metrik dan meningkat kepada 297,776 tan metrik pada tahun 1997.

5. Dalam tahun 1997, sejumlah besar barangan perikanan telah dieksport ke Thailand (24,248 tan metrik iaitu 22.5%), Singapura (22,380 tan metrik iaitu 20.8%), diikuti oleh Jepun (13,196 tan metrik iaitu 12.3%), Hong Kong (7,213 tan metrik iaitu 6.7%), Itali (5,722 tan metrik iaitu 5.3%), China (4,790 tan metrik iaitu 4.5%), Australia (4,529 tan metrik iaitu 4.2%) dan Belanda (3,674 tan metrik iaitu 3.4%). Dari segi kuantiti, eksport ke Hong Kong, Itali, China dan Belanda telah meningkat masing-masing sebanyak 17.6%, 15.0%, 131.6% dan 20.7%. Pecahan dan perubahan bagi kuantiti eksport ke pelbagai negara bagi tahun 1996 dan 1997 adalah seperti di Jadual 3 dan Carta 1. Pada tahun 1997 negara pasaran baru bagi pasaran eksport barangan perikanan telah muncul seperti Negara Costa Rica, Jamaica, Jordan, Reunion Island, Ukraine dan Yugoslavia. Sementara pengurangan kuantiti eksport barangan perikanan juga disebabkan oleh negara-negara seperti negara Bhutan, Burkina Faso, Cameroon, Honduras, Luxembourg dan Mali telah tidak mengimport barangan perikanan dari Malaysia pada tahun 1997.

Jadual 3: Kuantiti Eksport Barangan Perikanan Ke Pelbagai Negara, 1996 dan 1997

Negara	1996		1997		Perubahan %
	Kuantiti (Tan Metrik)	Peratus (%)	Kuantiti (Tan Metrik)	Peratus (%)	
Thailand	28,354	21.0	24,248	22.5	- 14.5
Singapura	31,226	23.1	22,380	20.8	- 28.3
Jepun	31,155	23.1	13,196	12.3	- 57.6
Hong Kong	6,131	4.6	7,213	6.7	+ 17.6
Italy	4,977	3.7	5,722	5.3	+ 15.0
China	2,068	1.5	4,790	4.5	+ 131.6
Australia	2,450	4.0	4,529	4.2	- 16.9
Belanda	3,044	2.3	3,674	3.4	+ 20.7
Lain-lain	22,537	16.7	21,870	20.3	- 3.0
Jumlah	134,942	100.0	107,622	100.0	- 20.2

6. Dari segi nilai eksport, Jepun masih mengekalkan kedudukannya sebagai pengimport utama barangan perikanan Malaysia dengan nilai sebanyak RM247.5 juta (26.3%) diikuti oleh Singapura sebanyak RM103.1 juta (10.9%), Itali sebanyak RM78.7 juta (8.4%) Hong Kong sebanyak RM75.1 juta (8.0%). Nilai eksport barangan perikanan Malaysia ke Jepun meningkat sebanyak 2.5% dalam tahun 1997 jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Tiga negara terbesar lain yang menunjukkan peningkatan nilai import dari Malaysia adalah Belanda sebanyak 56.9%, United Kingdom sebanyak 39.2% dan Itali sebanyak 21.8%. Walau bagaimanapun nilai eksport barangan perikanan ke Singapura, menunjukkan penurunan pada tahun 1997 berbanding tahun 1996 sebanyak 8.9% seperti di Jadual 4.

Jadual 4: Nilai Eksport Barangan Perikanan Ke Pelbagai Negara, 1996 dan 1997

Negara	1996		1997		Peratus Perubahan (%)
	(RM Juta)	Peratus Komposisi (%)	(RM Juta)	Peratus Komposisi (%)	
Jepun	241.4	29.2	247.5	26.3	+ 2.5
Singapura	113.2	13.7	103.1	10.9	- 8.9
Itali	64.6	7.8	78.7	8.4	+ 21.8
Hong Kong	69.3	8.4	75.1	8.0	+ 8.4
Belanda	38.5	4.7	60.4	6.4	+ 56.9
Australia	49.1	5.9	53.4	5.7	+ 8.8
United Kingdom	33.7	4.1	46.9	5.0	+ 39.2
Amerika Syarikat	40.7	4.9	43.7	4.7	+ 7.4
Lain-Lain	176.4	21.3	230.8	24.6	+ 0.3
Jumlah	826.9	100.0	939.6	100.0	+ 13.6

7. Perbezaan dari segi kuantiti dan nilai eksport, ke setiap negara ini mencerminkan bahawa eksport kepada negara-negara seperti Jepun, Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah kebanyakannya terdiri dari barangan perikanan yang bernilai tinggi, sementara eksport ke negara lain seperti Thailand adalah yang bernilai rendah.

8. Peratusan dan harga purata jenis barangan perikanan utama yang dieksport bagi tahun 1997 adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 5.

Jadual 5: Eksport Utama Barangan Perikanan, 1997

Barangan Perikanan	Kuantiti Eksport (%)	Nilai Eksport (%)	Harga Purata/ Tan Metrik (RM)
* Ikan Hidup	-	8.4	-
Ikan, basah atau disejukkan	14.7	3.8	2,255
Ikan, dibekukan	14.9	3.1	1,835
Sotong dan lain-lain moluska basah, disejukan atau dibekukan.	22.4	9.6	3,754
Udang, basah dan dibekukan	17.2	39.7	20,185
Ikan, persediaan ikan atau diawet yang tidak dinyatakan dimana-mana	11.9	17.2	12,614
Krustasia dan moluska yang ditinkan	3.5	6.4	16,083

* Nota : Unit kuantiti adalah dalam ekor dan tan metrik

9. Komposisi barangan perikanan yang diurusniaga dalam tahun 1997 adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6. Malaysia mengeksport barangan perikanan bernilai tinggi seperti udang basah atau dibekukan seterusnya mengimport pula barangan perikanan yang bernilai rendah seperti ikan basah, disejuk atau dibekukan bagi mendapat tukaran wang asing dan memenohi permintaan dalam negara.

Jadual 6: Komposisi Eksport dan Import Barangan Perikanan Malaysia, 1997

Komposisi	Eksport		Import	
	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM)	Kuantiti (Tan Metrik)	Nilai (RM)
Ikan hidup	5,196.48	79,281,211	3,819.06	69,217,138
Ikan, basah atau disejuk	15,773.02	35,573,805	155,252.71	301,840,968
Ikan, dibekukan	16,076.50	29,501,807	56,413.20	248,179,406
Udang, basah, dibekukan	18,466.77	372,752,048	23,329.43	128,913,877
Sotong, moluska, basah, disejuk atau dibekukan	24,129.02	90,569,277	3,772.52	14,445,018
Ikan , persediaan ikan atau diawet yang tidak dinyatakan dimana-mana	12,830.46	161,838,784	11,276.76	62,604,998
Krustasia, moluska dan lain-lain invertebrata air, disediakan atau diawet yang tidak dinyatakan dimana-mana	7,373.47	125,272,038	2,468.61	14,900,572
Tepong ikan yang tidak boleh dimakan	1,613.35	2,060,486	20,341.29	37,597,406
Rampaian	6,162.90	42,726,491	21,102.40	101,534,707
Jumlah	107,621.97	939,575,947	297,775.98	979,234,090

10. Berdasarkan kuantiti eksport, dalam tahun 1997, Malaysia mengeksport udang, basah, dibekukan; sotong, moluska, basah dibekukan, disejuk telah meningkat jika dibandingkan pada tahun 1996, masing-masing sebanyak 23.2% dan 33.6%. Manakala, eksport ikan hidup; ikan basah atau disejuk; ikan dibekukan; ikan persediaan atau diawet yang tidak dinyatakan dimana-mana; krustasia, moluska dan lain invertebrata air, disediakan atau diawet yang tidak dinyatakan dimana-mana dan tepong ikan yang tidak boleh dimakan menurun masing-masing sebanyak 21.0%, 36.0%, 27.1%, 58.2%, 17.0% dan 31.2%. Ini tertera di Jadual 7.

Jadual 7: Komposisi Eksport Barangan Perikanan, Malaysia, 1996 dan 1997

Komposisi	Kuantiti Eksport (Tan Metrik)		Perubahan (%)
	1996	1997	
Ikan hidup	6,578.02	5,196.48	- 21.0
Ikan, basah atau disejuk	24,638.63	15,773.02	- 36.0
Ikan, dibekukan	22,049.51	16,076.50	- 27.1
Udang, basah, dibekukan	14,984.03	18,466.77	+ 23.2
Sotong dan lain-lain moluska basah, disejuk atau di bekukan	18,060.24	24,129.02	+ 33.6
Ikan, persediaan ikan atau diawet yang tidak dinyatakan dimana-mana	30,700.10	12,830.46	- 58.2
Krustasia, moluska dan lain-lain invertebrata air, disediakan atau diawet yang tidak dinyatakan dimana-mana	8,887.64	7,373.47	- 17.0
Tepung ikan yang tidak boleh dimakan	2,343.72	1,613.35	- 31.2
Rampaian	6,699.75	6,162.90	- 8.0
Jumlah	134,941.64	107,621.97	- 20.2

11. Berdasarkan kuantiti import, dalam tahun 1997, berbanding tahun sebelumnya, import ikan hidup, ikan basah atau disejukkan; ikan dibekukan; udang basah, dibekukan; ikan persediaan ikan atau diawet yang tidak dinyatakan dimana-mana; krustasia, moluska dan lain-lain invertebrata air disediakan atau diawet yang tidak dinyatakan dimana-mana dan rampaian menurun masing-masing sebanyak 1.78%, 8.84%, 6.47%, 10.27%, 12.16% dan 46.03%. Sementara pengimpotan ikan basah dibekukan; sotong dan lain-lain moluska basah, disejuk dibekukan; dan tepung ikan yang tidak boleh dimakan meningkat masing-masing sebanyak 14.27%, 16.55% dan 30.19% sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 8.

Jadual 8: Komposisi Import Barangan Perikanan, Malaysia, 1996 dan 1997

Komposisi	Kuantiti Import (Tan Metrik)		Perubahan (%)
	1996	1997	
Ikan hidup	3,888.16	3,819.06	- 1.78
Ikan, basah atau disejuk	135,864.04	155,252.71	+ 14.27
Ikan, dibekukan	61,881.26	56,413.20	- 8.84
Udang, basah, dibekukan	24,943.24	23,329.43	- 6.47
Sotong dan lain-lain moluska basah, disejuk atau dibekukan	3,236.76	3,772.52	+ 16.55
Ikan, persediaan ikan atau diawet yang tidak dinyatakan dimana-mana	12,568.00	11,276.76	- 10.27
Krustasia, moluska dan lain-lain invertebrata air disediakan atau diawet, yang tidak dinyatakan dimana-mana	2,810.24	2,468.61	- 12.16
Tepung ikan yang tidak boleh dimakan	15,624.70	20,341.29	+ 30.19
Rampaian	39,101.28	21,102.40	- 46.03
Jumlah	299,917.73	297,775.98	- 0.71

12. Lima jenis barangan perikanan utama yang diimport pada tahun 1997 oleh Malaysia mengikut peratusan dan harga purata seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.

Jadual 9: Import Utama Barangan Perikanan, Malaysia, 1997

Barangan Perikanan	Kuantiti (%)	Nilai (%)	Harga Purata/ Tan Metrik (RM)
Ikan, basah atau disejukkan	52.1	308	1,944
Ikan dibekukan	18.9	25.3	4.399
Udang, basah, dibekukan	7.8	13.2	5,526
Tepung ikan yang tidak boleh dimakan	6.8	3.8	3,829
Ikan, persediaan ikan atau diawet yang tidak dinyatakan dimana-mana	3.8	6.4	5,552

13. Negara utama yang membekalkan ikan ke Malaysia adalah ditunjukkan dalam jadual 10.

Jadual 10: Barangan Perikanan Yang Di Import Oleh Malaysia, Mengikut Negara Utama, 1997

Negara	Kuantiti Import		Negara	Nilai Import	
	Tan Metrik	%		RM Juta	%
Thailand	174,102	58.5	Thailand	307.6	31.4
Indonesia	29,718	10.0	Indonesia	143.1	14.6
India	16,127	5.4	India	90.6	9.2
Taiwan	10,902	3.6	Taiwan	52.7	5.4
New Zealand	7,930	2.7	Korea	42.7	4.4
Chile	5,982	2.0	Japan	36.9	3.8
United Kingdom	5,967	2.0	United Kingdom	33.4	3.4
Myanmar	4,668	1.6	New Zealand	33.0	3.4
Lain-Lain	42,380	14.2	Lain-Lain	239.2	24.4
Jumlah	297,776	100.0	Jumlah	979.2	100.0

14. Catitan : Semua data-data diperolehi daripada Buku Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia. Sekiranya terdapat kemuskilan hendaklah dirujuk terus kepada Jabatan Perangkaan Malaysia.

ABMA/su (EKS97)